

BAB 2

***MAQĀSID SHARĪ'AH* DAN PERANANNYA DALAM PENENTUAN HUKUM**

2.1 Pengenalan

Maqāsid Sharī'ah perlu dititiberatkan jika masalah yang ingin dibincang berkait rapat dengan kehidupan seharian umat Islam. Oleh itu, sebelum penulis membincangkan penggunaan kalimah Allah oleh penganut Kristian di Malaysia dari sudut pandangan *maqāsid sharī'ah*, dalam sub bab ni akan dinyatakan maksud *maqāsid sharī'ah*, pembahagiannya dan bukti-bukti daripada ulama terdahulu akan kewujudan penentuan hukum berlandaskan *maqāsid sharī'ah*.

2.2 Maksud *Maqāsid Sharī'ah*

Maqāsid Sharī'ah terbentuk dari dua perkataan iaitu *maqāsid* dan *sharī'ah*. *Maqāsid* berasal daripada kata kerja *qasada* dan kata terbitannya *qasd* yang mempunyai pelbagai maksud antaranya ialah jalan yang lurus, menuju kepada sesuatu, bersederhana, adil (Ibn Manzur et.al, t.t), tujuan dan objektif. Ada pula menurut Imam Al-Ghazālī (1997), *maqāsid* merupakan kata *jamak* dari *maqṣad* yang berasal dari suku kata *qasada* yang bererti menghendaki atau memaksudkan, dari itu ia membawa maksud hal-hal yang dikehendaki atau dimaksudkan atau makna tempat tuju.

Sharī'ah pula dari segi bahasa berasal daripada perkataan *syara'* yang membawa maksud pegangan atau arahan khusus, cara, agama atau undang-undang (Ahmad Mukhtar, 2008). Dari segi istilah pula bermaksud *المواضع تحدر إلى الماء* atau jalan menuju sumber air dan boleh juga diertikan berjalan menuju sumber kehidupan (Al-Ghazālī, 1997).

Apabila digabungkan antara *maqāṣid* dan *sharī'ah* secara literalnya ia membawa maksud tujuan atau objektif *sharī'ah*. Terdapat pelbagai definisi secara istilah yang diberikan oleh tokoh ulama antaranya:

1. Al-Ghazālī (1997): *Maqāṣid Sharī'ah* merupakan sebuah *maṣlahah* dan ia didefinisikan sebagai menjaga maksud atau tujuan syara'. Terdapat lima tujuan *syara'* yang perlu dititikberatkan, iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Setiap perkara yang bermaksud untuk menjaga kelima-lima asas ini, merupakan *maṣlahah*, dan setiap perkara yang boleh memusnahkannya dipanggil *mafsadah*. Menghidari dari terjadinya *mafsadah* pula juga dipanggil *maṣlahah*.
2. Ibn Ashur (2001): *Maqāṣid Sharī'ah* dari segi istilah bermaksud makna-makna dan hikmah-hikmah yang diambil perhatian oleh Allah dalam segenap atau sebagian besar pensyariatan, dimana pertimbangan tersebut tidak terbatas dalam perkara tertentu dari hukum syariat.
3. Al-Khādīmī (2003): Tujuan dan tanda yang bertujuan untuk memperelok kemanusiaan dan kebahagiaan mereka di dunia dan akhirat.
4. 'Alāl Al-Fāsī (2007): Ia merupakan tujuan dari pensyariatan dan rahsia-rahsia yang ditetapkan oleh Allah SWT pada setiap hukum yang diturunkannya.
5. Al-Raysūnī (2011): Tujuan-tujuan yang didatangkan oleh *sharī'ah* untuk mencapai kemaslahatan hamba.
6. Ibn Ashur (2014): *Maqāṣid Sharī'ah* merupakan objektif *syara'* untuk mencapai kepentingan manusia dan menjaga kepentingan mereka yang umum dalam tindakan mereka yang khusus.
7. 'Alāl Al-Fāsī (2013): Objektif daripadanya, dan rahsia-rahsia yang diletakkan oleh *syara'* dalam setiap hukum daripada hukum-hakamnya.

Justeru itu, *maqāṣid sharī'ah* diertikan sebagai satu ilmu yang membincangkan tentang matlamat atau objektif atau tujuan disyariatkan sesuatu hukum bagi memelihara kebaikan dan menolak kemudaratan dalam kehidupan manusia di dunia dan akhirat (Sidek,2021). Ia juga merupakan kebaikan yang di inginkan oleh Allah SWT atas pensyariaan hukum syara' (Makhdum, 1999).

2.3 Pembahagian *Maqāṣid Sharī'ah*

Berdasarkan defnisi sebelum ini, *maqāṣid sharī'ah* mangandaikan bahawa setiap hukum yang diturunkan oleh Allah mempunyai tujuan dan matlamat tersendiri yang akhirnya membawa kepada kemaslahatan bagi seseorang yang menganut agama Islam. Memelihara kebaikan manusia secara keseluruhan (*maṣlahah*) sama ada aspek rohani jasmani mahupun duniawi ukhrawi merupakan tujuan *sharī'ah* yang paling utama.

Objektif *sharī'ah* yang paling popular dapat dibahagikan kepada 3 peringkat iaitu *darūriyyāt*, *hājiyyāt* dan *taḥsiniyyāt* dimana ia disusun mengikut keutamaan. Ia juga boleh dibahagikan kepada dua menurut *Maqāṣid Sunnah* iaitu *maqāṣid* umum dan *maqāṣid* khusus (Mahmud, 2018). Pembahagian ini bertujuan untuk membezakan antara *Maqāṣid Sunnah* secara umum yang berkaitan dengan *maqāṣid* lain dan *maqāṣid* khusus berdasarkan hadis nabi.

2.3.1 Peringkat *Maqāṣid Sharī'ah*

Imam Al-Ghazālī (1997) membahagikan *maqāṣid* kepada tiga peringkat, sebagaimana ungkapan beliau dalam kitabnya Al-Mustasfa: Pada dasarnya *maṣlahah* terbahagi kepada peringkat *Darūriyyāt*, dan *al-Hājiyyāt* atau *at-Taḥsiniyyāt*.

1. *Darūriyyāt*

Peringkat paling utama yang dengan menjaganya akan menjamin kebaikan manusia dalam kehidupan mereka dipanggil sebagai peringkat *darūriyyāt*. Al-Syātibī (1997) memberi pengertian bahawa *darūriyyāt* ini adalah satu keperluan demi menjaga kemaslahatan agama dan dunia. Sekiranya aspek ini diendahkan ia akan menyebabkan kerosakan dalam aspek kehidupan manusia (JAKIM, 2015). Al-Ghazālī (1997) pula memberi takrifan bahawa *maqāsid darūriyyāt* adalah sesuatu yang perlu dipelihara dalam rangka menjaga kemaslahatan agama dan dunia. Apabila hilang kemaslahatan tersebut maka kemaslahatan dunia turut tidak stabil, malah akan mengalami kerosakan, kesulitan dan hilangnya kehidupan, selanjutnya akan hilanglah kenikmatan dan mendapatkan kerugian yang nyata. *Al-Darūriyyāt* terbahagi kepada lima asas utama (*Al-Darūriyyāt al-khamsah*), iaitu: memelihara agama, memelihara nyawa, memelihara akal, memelihara keturunan dan memelihara harta benda. Setiap urusan agama dibina atas perkara-perkara ini perlu mengikut keutamaan yang telah ditetapkan seperti mana turutan yang dinyatakan Imam Al-Ghazālī (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2019). Maksud daripada kelima pemeliharaan ini adalah:

- a. Pemeliharaan Agama: Pemeliharaan agama bererti pelaksanaan rukun dan hukum agama dalam kehidupan (Al-Khādimīyy, 2001). Ianya terangkum dalam tiga aspek iaitu, Islam, Iman dan Ihsan (Al-Raysūnī, 1992). Ia merupakan prinsip yang paling utama untuk dipelihara berbanding dengan prinsip-prinsip lain. Menurut Ibn Ashur (2004), menjaga agama bermaksud menyelamatkan iman seseorang muslim daripada perkara-perkara yang mengelirukan atau melemahkan kepercayaan dan tingkah lakunya. Dalam konteks masyarakat secara keseluruhan, memelihara agama bermaksud mempertahankan negara dan kedaulatan Islam serta memelihara pendidikan dan pembelajaran Islam

demasi masa depan masyarakat Islam. Salah satu contoh adalah kewajiban keluar berperang mempertahankan Islam bagi mereka yang memenuhi syarat dan mendapat arahan daripada pemerintah. Walaupun peperangan itu boleh membawa kepada terkobannya jiwa dan kerosakan harta benda, namun kewajiban memelihara agama wajib didahulukan daripada perkara-perkara lain (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2019).

- b. Pemeliharaan Nyawa: *Hifz Nafs* adalah dua gabungan kata arab iaitu *hifz* yang bermaksud menjaga dan *nafs* bermaksud jiwa yang menjadikan maksud hasil gabungan tersebut menjaga jiwa. Secara mudahnya, konsep *hifz nafs* adalah pemeliharaan terhadap nyawa dan jiwa serta merupakan objektif kedua terpenting setelah *hifz dīn* (pemeliharaan agama) dalam turutan *maqāsid sharī'ah*. Contohnya, Islam melarang perbuatan membunuh sama ada membunuh diri atau membunuh manusia lain dan hukuman *qiyas*, *diyāt* mahupun *kafarah* akan dikenakan kepada mereka yang mengingkari larangan tersebut sama ada secara sengaja ataupun tidak sengaja.
- c. Pemeliharaan Akal: Pemeliharaan ini bermaksud memberi perlindungan kepada akal manusia dari apa-apa yang akan merosakkan (Ibn Ashur, 2004). Gangguan kepada akal akan menyebabkan gangguan yang lebih besar kepada masyarakat (JAKIM, 2015). Chapra (2008) memberi penekanan kepada iman kerana iman yang menyediakan hala tuju kepada akal, kerana akal yang tidak dipandu akan membawa kepada penipuan. Oleh itu akal wajib dipelihara oleh manusia dengan nilai murni dan perkara-perkara yang bermanfaat. Contohnya, Islam melarang untuk meminum arak dan perkara-perkara yang memabukkan kerana perbuatan tersebut boleh merosakkan akal.

- d. Pemeliharaan Keturunan: Konsep *hifz nasl* merupakan konsep yang melibatkan perlindungan dan pemeliharaan keturunan. Ianya penting demi memastikan keberentukan masyarakat Islam yang sihat, produktif dan berkesan (Chapra, 2008). Pengharaman melakukan zina dan meraikan perkahwinan merupakan salah satu aspek pemeliharaan keturunan. Ini demi memastikan kelahiran anak yang sah melalui perkahwinan. Keturunan wajib dipelihara demi menjaga sistem sosial dalam masyarakat Islam. Sekiranya ia tidak dipelihara maka akan runtuh jalur keturunan yang suci serta merosakkan maruah agama, bangsa dan negara (JAKIM, 2015).
- e. Pemeliharaan Harta: Menurut Ibn Ashur (2004), *hifz māl* bermaksud kekayaan masyarakat dilindungi daripada kehancuran dan dijauhi daripada peralihan harta ke tangan yang salah dengan cara yang tidak sah. Pengharaman rasuah, amalan riba, penipuan, monopoli yang tidak seimbang dan segala bentuk penyelewengan merupakan beberapa contoh aspek pemeliharaan harta. Chapra (2008) menekankan bahawa pengagihan pendapatan dan kekayaan dengan adil dalam pembangunan dan pengembangan kekayaan adalah penting. Ini demi memastikan semua masyarakat dapat menikmati hak mereka dengan senang dan dapat mengelakkan mengambil hak orang lain dengan cara yang salah.

2. *Hājiyāt*

Hājiyāt merupakan masalah yang tidak wajib, akan tetapi tetap diperlukan dalam rangka menjaga kemaslahatan (Al-Ghazālī, 1997). Ia tidak bersifat wajib kerana ketiadaan *maqsad* ini tidak sampai mempengaruhi kestabilan kehidupan manusia, namun demikian, keperluan ini tetap harus dijaga demi menghilangkan kesukaran dan kesulitan seorang mukallaf dalam mewujudkan kemaslahatan yang diinginkan

oleh *syara'*. Manakala menurut Al-Syātibī (1996), *ḥājiyāt* merupakan sesuatu objektif atau tujuan yang diperlukan untuk mencapai kelapangan dalam kehidupan sekaligus menghilangkan kesempitan yang pada kebiasaannya membawa kesusahan. Apabila *ḥājiyāt* tidak diambil perhatian, maka banyak kesukaran akan dihadapi. Walaupun begitu ianya masih tidak mencapai peringkat *darūriyyāt* yang meninggalkannya akan menyebabkan kehancuran kepada kehidupan manusia secara keseluruhannya. Menurut Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2019) ia merupakan satu keperluan bagi manusia untuk memudahkan dan menghilangkan kesukaran. Ketiadaan perkara-perkara *ḥājiyāt* tidak membawa kepada kepincangan dalam hidup manusia sebagaimana ketiadaannya perkara-perkara *darūriyyāt*, namun ia akan membawa kepada kesukaran dalam kehidupan manusia (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2019).

3. *Taḥsiniyyāt*

Al-Taḥsiniyyāt menurut Al-Syātibī (1996) merupakan perbuatan melakukan sesuatu amalan atau adat yang baik serta menjauhi perkara-perkara yang dianggap tidak baik oleh akal yang sempurna. Al-Ghazālī (1997) pula mengatakan bahawa *taḥsiniyyāt* merupakan kategori *maqṣad* yang tidak termasuk dalam kategori *darūriyyāt* mahupun *ḥājiyāt*, akan tetapi ianya bersifat memperelok, memperindah dan mempermudah, demi mencapai keistimewaan dan nilai tambah yang terbaik berkaitan bagi urusan kehidupan seharian dan juga muamālat. Kepentingannya, ia dapat membantu dalam menampung usaha untuk mencapai keperluan biasa dan kepentingan asas atau bersifat pelengkap kepada pencapaian *ḥājiyāt* dan *darūriyyāt*. Ia merupakan *maṣlahah* yang diperlukan sebagai kesempurnaan untuk menjaga kehormatan hidup manusia yang melibatkan kemuliaan akhlak dan adat yang baik

serta meninggalkan keadaan yang buruk menurut akal yang waras (Al-Ghazālī, 1997). Perkara ini diperlukan demi kelancaran hidup bermasyarakat namun ketiadaannya tidak akan memberi kesan yang besar kepada kehidupan manusia (JAKIM, 2015).

2.3.2 Maqāṣid Sunnah

Maqāṣid Sharī'ah juga boleh dibahagikan berasaskan kepada sokongan dalil-dalil syara' atau dipanggil Maqāṣid Sunnah seperti berikut:

1. *Maqāṣid Umum*

Menurut Ibn Ashur, *maqāṣid umum* ialah *maqāṣid* yang dapat dilihat dalam hukum-hukum yang wajib dan melibatkan semua individu secara umum (Ibn Qāyyim Al-Jāwziyyah, 2000). Ia merupakan tujuan nas secara keseluruhannya seperti menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Tujuan ini bagi memudahkan dan tidak menyusahkan serta bertujuan untuk menjaga sistem kehidupan manusia supaya teratur. Selain itu, ia bertujuan menjadikan manusia sebagai khalifah di atas muka bumi ini dan untuk mendatangkan kebaikan serta menjauhi keburukan (Yamani, 2006).

2. *Maqāṣid Khusus*

Merupakan tujuan syara' dalam sesuatu bab tertentu seperti tujuan sharī'ah dalam bidang jenayah, harta dan kekeluargaan (Al-Raysūnī, 1992; Yamani, 2006). Manakala menurut Ibn Ashur, *maqāṣid khusus* adalah cara yang digunakan oleh sharī'ah bagi merealisasikan kepentingan umum melalui tindak tanduk perseorangan. Sebagai contoh, hukum merekodkan perjanjian hutang dalam bidang

muamālat (Ibn Qāyyim, 2000). Setiap kelompok hukum tersebut mempunyai tujuannya yang tersendiri dan menyokong *maqāsid amah* (Al-Najjār, 2008).

3. *Maqāsid Juz iyyah*

Maqāsid ini merupakan tujuan sharī'ah pada setiap hukum yang berkaitan dengan sesuatu persoalan secara khusus seperti pengharaman arak kerana ia memabukkan, pengharaman bangkai kerana ia memudaratkan kesihatan dan kewajipan menunaikan zakat bagi membantu golongan yang memerlukan (Al-Raysūnī, 1992; Ibn Ashur, 2001). Ia juga dinamakan sebagai hikmah, illah, rahsia syara' dan makna (Yamani, 2006).

Secara kesimpulannya, *maqāsid sharī'ah* merupakan satu pemeliharaan yang begitu sempurna untuk dilaksanakan oleh umat Islam dalam pelbagai situasi dan keadaan. Pemeliharaan yang diwujudkan ini mencakupi segala ruang yang tidak terdapat dalam mana-mana ajaran sebelum atau selepasnya. Ini sesuai dengan matlamat syariat Islam iaitu untuk menghasilkan kebaikan kepada manusia dan menolak kemudaratan daripada mereka. Kebaikan dan kemudaratan yang merangkumi aspek duniawi dan ukhrawi (Al-Syātībī, 1996).

2.4 *Maqāsid Sharī'ah* dalam Penentuan Hukum

Kebanyakan ilmuan Islam seperti Al-Kaylani (2000), Al-Qaradawi (2006) dan Al-Raysūnī (2013) telah menyatakan kepentingan *maqāsid sharī'ah* dalam penentuan hukum syara'. Sebahagian mereka menyatakan bahawa *maqāsid sharī'ah* boleh dijadikan sandaran hukum syara' kerana ia adalah hasil daripada rumusan yang menyeluruh dan mendalam terhadap nas-nas wahyu. Oleh itu, *maqāsid sharī'ah* mempunyai kekuatan yang sama dengan nas wahyu tersebut dalam aspek penentuan hukum syara'.

Imam Syafie juga ada menyatakan tentang pentingnya *maqāṣid sharī'ah* dalam penentuan hukum syara'. Nukilan Imam Juwaīnī (1997) ada menyatakan kenyataan Imam Syafie ketika membicarakan mengenai susunan dalil-dalil syara'. Imam Syafie berkata setelah menjelaskan mengenai dalil Quran dan hadis yang bermaksud: "Jika dalil yang dikehendaki tidak dijumpai pada peringkat ini (setelah meneliti Quran dan Hadis), janganlah dia menggunakan *qiyas* lagi tetapi hendaklah dia melihat kepada *kulliyat* dan kemaslahatan umum syara'. Jika dia tidak mendapati kemaslahatan umum, hendaklah dia beralih kepada *ijmak*. Jika dia tidak mendapatinya juga, hendaklah dia menggunakan *qiyas*". *Kulliyat* syara' yang dimaksudkan dalam kata-katanya adalah *maqāṣid sharī'ah*, kerana *maqāṣid* syara' dirumuskan daripada nas-nas syara' secara menyeluruh.

Munurut Ibn Bayyah (2006), Imam Juwaīnī daripada Mazhab Syafie merupakan orang yang pertama membicarakan mengenai pembahagian *maqāṣid sharī'ah* kepada *darūriyyāt*, *ḥājjiyāt* dan *taḥsiniyyāt*. Imam Juwaīnī (1997) telah melakukan perbincangan mengenai *maqāṣid sharī'ah* ketika beliau merumuskan jenis-jenis *illah* yang digunakan dalam menentukan hukum berdasarkan *qiyas*. Ini membuktikan bahawa beliau mengiktiraf penggunaan *maqāṣid sharī'ah* dalam penentuan hukum berasaskan *qiyas* sebagai *illah* (Al-Hasanī, 1995). Pembahagian *maqāṣid* ini juga telah diguna pakai oleh semua ilmuwan selepas beliau ketika membicarakan tentang *maqāṣid sharī'ah*.

Selain itu, Imam Izzuddin Ibn Abd al-Salam (1991) juga menegaskan bahawa *maqāṣid sharī'ah* boleh dijadikan sandaran hukum: "Sesiapa yang menumpukan perhatiannya kepada objektif-objektif syara' dalam membawa kebaikan dan menolak keburukan, dia akan memperolehi kepercayaan serta keyakinan daripada himpunan-himpunan objektif tersebut bahawa kemaslahatan ini tidak boleh diabaikan dan

keburukan ini tidak boleh didekati walaupun tiada *ijmak*, *nas* atau *qiyas* secara khusus berkaitannya. Ini kerana kefahamannya terhadap *syara'* itu sendiri yang mewajibkan demikian". Kenyataan ini secara jelas merujuk kepada persoalan yang mengandungi kebaikan atau memberikan keburukan kepada manusia wajib ditentukan hukumnya berasaskan kepada *maqāṣid sharī'ah* bagi menjamin kehidupan manusia.

Pengaplikasian *maqāṣid sharī'ah* dalam menentukan hukum pada masa kini juga banyak digunakan seperti dalam penentuan fatwa. Penting bagi seseorang mufti mengeluarkan fatwa dengan menggabungkan teks-teks yang *qat'iy* dan maksud-maksud yang global (*maqāṣid*). Dilarang berlebihan dalam memahami teks-teks secara literal dan tidak pula berlebihan dalam menolak teks atas alasan *maṣlahah*. Aliran ini mempercayai bahawa setiap hukum-hukum syariat itu ada hikmatnya dan hikmat itu adalah untuk manfaat manusia (al-Qaradawi, 2006).

2.5 Kesimpulan

Akhir sekali, *maqāṣid sharī'ah* secara kesimpulannya diertikan sebagai satu ilmu yang membincangkan tentang matlamat atau objektif atau tujuan disyariatkan sesuatu hukum bagi memelihara kehidupan manusia di dunia dan akhirat. Objektifnya seperti yang diterangkan dalam sub kedua Bab 2 ini dibahagikan kepada 3 iaitu *darūriyyāt*, *hājiyyāt* dan *taḥsiniyyāt* juga *Maqāṣid Ammah*, *Maqāṣid khāssah* dan *Maqāṣid Juziyyah*. Setiap hukum baru yang akan dikeluarkan di mana ia tidak ditemukan dalam al-quran mahupun hadis wajar mengambil kira *maqāṣid sharī'ah* dalam penentuannya. Perkara ini disokong oleh kebanyakan ulama terdahulu demi menjaga kemaslahatan manusia dan menolak kemudaratan dan pengamalan ini telah digunakan oleh mufti-mufti di Malaysia dalam penentuan fatwa.